



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN
YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI

SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN LAPANGAN RENTAS HALANGAN DAN
100 HARI DATUK BANDAR

TARIKH / MASA / TEMPAT
13 APRIL 2022 (RABU)
8.45 PAGI

LOBI PEJABAT CAWANGAN, JALAN BETEK
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

Marilah sama-sama kita merafakkan rasa syukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah perkenannya kita dapat berkumpul pada Majlis Perasmian Lapangan Rentas Halangan sekaligus mengumumkan usaha-usaha serta program-program yang telah dilaksanakan sepanjang 100 hari saya dilantik menjadi Datuk Bandar Seberang Perai.

MBSP memikul tanggungjawab dan amanah yang besar untuk mendepani cabaran bagi memenuhi keperluan dan kehendak *stakeholders*. Setiap tanggungjawab dan amanah ini akan datang dalam dua keadaan iaitu melalui nikmat dan cabaran. Nikmat adalah apabila kita meraikan kejayaan atas usaha kita seperti mana sekarang ini dan cabaran apabila kita perlu memikirkan cara bagaimana untuk mengekalkan kejayaan itu. Oleh sebab itu, saya sering tekankan konsep ABC iaitu Amanah, Betul dan Cepat. Apabila kita menjadi orang yang amanah, kita akan membuat kerja kita dengan betul dan secara tidak langsung kerja itu akan menjadi cepat kerana kita sedang berusaha untuk menampakkan hasilnya.

Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan yang direncanakan oleh MBSP bukannya harapan yang sia-sia, tetapi menunjukkan usaha tekal pihak kakitangan Majlis bersama penduduk Seberang Perai untuk mencapai apa yang diaspirasikan. Justeru, pada hari ini, MBSP akan berkongsi usaha-usaha 100 hari Datuk Bandar yang telah dilaksanakan semenjak saya dilantik menjadi Datuk Bandar Seberang Perai. Ingin saya nyatakan disini, usaha ini tidak datang dari usaha saya seorang sahaja bahkan melibatkan usaha semua Ahli-Ahli Majlis, Tuan Setiausaha Bandaraya, Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai Kanan dan seluruh kakitangan MBSP yang sentiasa menyokong saya bak kata pepatah “Berat Air Kerana Pembentung, Bulat Manusia Kerana Muafakat”.

Untuk merealisasikan Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan, MBSP menjadikan Penang 2030 dan *Sustainable Development Goals (SDGs)* sebagai instrumen penting untuk menyusun program-program serta aktiviti-aktiviti yang bersesuaian untuk memenuhi *expectations stakeholders*. MBSP telah menggariskan sepuluh (10) Keutamaan Strategik (*Strategic Priorities*) dalam usaha-usaha ke arah 100 hari ini iaitu:

1. Persekutaran yang selamat (SP01)
2. Kemudahan dan Infrastruktur yang berkualiti (SP02)
3. Gaya Hidup Sihat (SP03)
4. Pembangunan Hijau dan Persekutaran Bersih (SP04)
5. Penerapan Teknologi Baru (SP05)
6. Ekonomi Bandar Yang Berdaya Saing (SP06)
7. Memperkuuhkan Budaya dan Warisan (SP07)
8. Bandar Yang Berdaya Tahan dan Berdaya Huni (SP08)
9. Keterlibatan Komuniti (SP09)
10. Pembangunan yang inklusif dan saksama (SP10)

Sepuluh Keutamaan Strategik ini akan menjadi teras utama ke arah menjadikan Seberang Perai “*City For All*” dan menjadikan MBSP sebuah organisasi yang berpaksikan rakyat. Di samping mentransformasikan Seberang Perai ke arah bandaraya pintar dan mampan, saya juga mengharapkan untuk Seberang Perai mengorak langkah lebih jauh untuk mengembangkan usaha menjadikan Seberang Perai sebuah bandaraya Sukan dan Pelancongan.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

MBSP membuktikan pelaporan 100 hari usaha-usaha ini mempunyai impak yang positif dan bermanfaat kepada penduduk Seberang Perai. Pada hari ini, saya akan memetik beberapa usaha yang dianggap paling memberi impak kepada penduduk Seberang Perai di bawah setiap Keutamaan Strategik. Di bawah:

SP01: Persekutaran Yang Selamat.

Bagi mentadbir Seberang Perai dengan keluasan 738 km persegi, sememangnya merupakan satu cabaran untuk menjadikan kawasan Seberang Perai lebih selamat dan selesa untuk didiami. Dengan kelengkapan CCTV sebanyak 222 buah, MBSP telah berjaya mengesan 21 kes yang melibatkan pembuangan sampah haram, kesesakan lalulintas, pokok-pokok tumbang, banjir dan penjaja haram setakat ini. Permasalahan ini telah berjaya dikenalpasti dan ditangani dengan cepat oleh MBSP. Keskes ini akan dimuatnaik ke media sosial untuk makluman penduduk Seberang Perai.

Pelaksanaan CCTV yang beroperasi 24 jam ini secara tidak langsung dapat memastikan keselamatan orang awam terus menjadi keutamaan.

Salah satu kelebihan yang ada pada CCTV MBSP ialah kita mempunyai 25 buah CCTV yang *Analytic Intelligent* (AI) di mana kita dapat memanfaatkan penggunaan AI sebaiknya melalui pengesahan kesalahan di bawah bidang kuasa MBSP untuk diambil tindakan penguatkuasaan dengan berkesan. Contohnya kesalahan menyalahgunakan petak parking OKU. Dengan teknologi AI ini, kita dapat merakam jelas wajah si pelaku dan nombor plat kereta untuk diambil tindakan sewajarnya. Selain itu, CCTV ini juga membantu menambah nilai perkhidmatan majlis dengan memberikan maklumat mutakhir berkaitan info trafik, tanah runtuh dan pokok tumbang ke dalam *Facebook* MBSP. Inisiatif ini boleh digambarkan sebagai inisiatif “*Eyes on the Street*”.

Apa yang dapat dibanggakan di sini ialah, CCTV MBSP ini telah menjadi penandaarasan dan rujukan kepada pihak agensi penguatkuasaan yang lain dalam pelaksanaan Sistem Kawalan Kamera Litar Tertutup (CCTV). MBSP telah menerima lawatan daripada UiTM Shah Alam, UiTM Pulau Pinang, Perbadanan Bekalan Air, Telekom Malaysia dan yang terbaru pada Mac yang lepas daripada Majlis Bandaraya Johor Bharu.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

MBSP juga dalam peringkat mewartakan Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian MBSP 2022 bagi mengukuhkan tindakan penguatkuasaan bagi menjamin persekitaran yang lebih baik. Pewartaan ini dibuat bagi menggantikan Undang-Undang Kecil (UUK) yang lama dan lapok sesuai dengan peredaran masa, kemajuan teknologi dan kehendak warga Seberang Perai. Dengan pewartaan ini adalah diharapkan akan menjadi satu anjakan paradigma dari segi tindakan penguatkuasaan, menjamin keselesaan pengguna dan keselamatan awam. Terdapat beberapa klausa dan elemen pembaharuan lesen, pendaftaran lesen, kuasa memasuki premis serta lain-lain klausa telah ditambahbaik. UUK baru yang bakal diwartakan juga telah mengambil kira fi bayaran lesen yang lebih komprehensif dalam menjana hasil kepada Majlis. Dengan hasil yang diperolehi, MBSP dapat meningkatkan tahap infrastruktur dengan lebih baik. Selain itu, UUK baru ini adalah amat bersesuaian dan lebih mantap sejajar dengan Penang2030.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

SP02: Kemudahan & Infrastruktur Yang Berkualiti

Selama 100 hari pentadbiran saya, saya memandang bahawa infrastruktur ini adalah antara fokus yang perlu diberi perhatian secara menyeluruh. Sejak lima (5) tahun kebelakangan ini, tahap perkhidmatan lalulintas terutama di Jalan Song Ban Kheng, Seberang Perai Tengah adalah tepu pada waktu puncak terutama pada jam 7.00 hingga 9.00 pagi di mana penduduk Seberang Perai sibuk ke tempat kerja, sekolah dan sebagainya. Manakala di sebelah petang pula adalah pada jam 6.00 hingga 8.00 malam. Dianggarkan sebanyak 2,800 kenderaan dari arah Bukit Mertajam pada waktu puncak pagi dan 2,500 kenderaan dari arah Kebun Sireh pada waktu petang. Dengan mengambil kira kesesakan tersebut, MBSP telah menyiapkan kerja-kerja pemasangan *greenwave* di empat (4) persimpangan iaitu, Persimpangan Lampu Isyarat Jalan Chain Heng Kai, Persimpangan Lampu Isyarat Jalan Binjai, Persimpangan Lampu Isyarat Jalan Betek dan Persimpangan Lampu Isyarat Jalan Kota Permai pada 9 Mac 2022 dan kerja-kerja pemantauan *greenwave* ini dijadualkan siap pada 15 April 2022. Seberang Perai Tengah mengalami kadar kesesakan yang tinggi berbanding di Seberang Perai Selatan dan Utara. Walau bagaimanapun, MBSP sebelum ini telah menyiapkan tiga (3) pemasangan *linking greenwave* di Autocity, Bukit Minyak dan Bukit Tambun. Dengan

adanya *greenwave* ini dapat meningkatkan keselesaan penduduk dengan lalulintas yang lancar.

Di bawah *Market Renewal programme*, MBSP telah memilih Pasar Awam Jalan Jeti Lama, Butterworth di bawah *Urban Regeneration Program* untuk dinaiktaraf. Sesi libat urus bagi pemurnian reka bentuk dan komponen bagi cadangan naik taraf ini telah diadakan pada 1 April 2022 bersama 52 orang peniaga. Cadangan menaiktaraf ini menelan kos sebanyak RM4 juta dan meliputi naiktaraf keseluruhan *facade*, *pocket park* dan kemudahan awam yang lain untuk kegunaan peniaga dan komuniti.

Selain itu di bawah SP02 ini juga, MBSP akan menaiktaraf Taman Tecoma yang terletak bersebelahan dengan Ibu Pejabat MBSP berhampiran dengan Upcycle Park. Sebelum ini sebanyak 362 batang pokok telah ditanam dan apabila telah diperolehi geran daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, MBSP akan menyediakan laluan pejalan kaki / laluan basikal, bangku tanaman, pencahayaan dan alatan senaman. Taman ini akan memberi manfaat kepada 25,000 - 30,000 penduduk setempat untuk berekreasi, beriadah atau untuk tujuan bergambar. Seberang Perai tidak lama lagi akan mempunyai Taman Bunga Sakura seperti di Korea dan Jepun. Musim

kemarau panjang lazimnya pada bulan Mac dan April akan mencantikkan dan mengindahkan Taman Sakura Seberang Perai.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

SP03: Gaya Hidup Sihat

Banyak usaha dan cara bagi kita untuk mengamalkan gaya hidup sihat. Gaya hidup sihat akan membawa kita menuju pada kehidupan yang lebih baik dan selesa. MBSP dalam usaha untuk mengalakkan aktiviti sukan dan rekreasi. Walaupun saya merupakan seorang Datuk Bandar, saya juga telah dilantik sebagai Pengerusi Hoki MAKSAK Negeri Pulau Pinang untuk tahun 2022. Ini menunjukkan walaupun siapa diri anda, kesihatan dan gaya hidup sihat tidak boleh dikompromi. Pada 25 dan 26 Mac 2022, MBSP telah berjaya menganjurkan Kejohanan Hoki 9 Sebelah Piala Datuk Bandar Edisi 1. Alhamdulillah, kita telah mendapat penyertaan daripada agensi kerajaan seperti PDRM, TUDM, Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang dan PESSCA (Persatuan Sukan dan Kebudayaan Perkhidmatan Pendidikan Bahagian Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang). Selepas ini, MBSP akan meluaskan hebahan bagi mengalakkan penyertaan daripada agensi swasta, NGO dan komuniti. Lebih banyak lagi aktiviti sukan seperti bola sepak, bola jaring, *bowling*, *bowling* padang, badminton, basikal dan *golf* akan menyusul dan disusun untuk penglibatan semua pihak termasuk penduduk Seberang Perai. Ini bertepatan dengan fokus yang

diketengahkan dalam SDG 3: *Good Health and Well Being* serta di dalam Penang 2030 di bawah A4: *Diversify recreation, sports, arts and cultures facilities*. Kedua-dua ini mempunyai matlamat yang sama iaitu untuk meningkatkan kehidupan yang lebih baik dan sihat.

Di dalam gaya hidup sihat juga, penambahbaikan akan dibuat ke atas buku suntikan Typhim Vi yang diberikan kepada pengendali makanan di mana ianya telah diinovasikan kepada kad pintar e-munisasi Typhim Vi. Kad pintar ini akan menggantikan sepenuhnya penggunaan buku suntikan tradisional bagi pengendali dan pengusaha industri makanan di seluruh Seberang Perai. Peralihan daripada buku kepada kad ini akan mengubah secara drastik cara pemeriksaan dan pengesahan vaksinasi serta memudahkan penyimpanan, integrasi dan penyelarasaran data. Selain itu, ia juga adalah strategi inovatif MBSP ke arah pengendalian pendigitalan perkhidmatan kepada masyarakat yang memudahkan baik pengguna maupun kakitangan khususnya dalam aspek keselamatan pengendalian makanan.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

SP04: Pembangunan Hijau dan Persekutaran Bersih

Dalam usaha MBSP untuk meningkatkan imej hijau dan bersih di sekitar kawasan Seberang Perai, ada beberapa usaha yang telah diambil perhatian yang serius. MBSP telah mengenalpasti 151 buah kenderaan buruk yang disita yang mencacatkan pandangan dan secara tidak langsung mengalakkan vandalisme dan aktiviti tidak sihat. Kesemua 151 buah kenderaan ini telah diluluskan oleh Datuk Bandar untuk dilupuskan. Pelupusan ini dijangkakan akan dilaksanakan pada suku ke tiga tahun 2022.

Skuad Khas MBSP di bawah Jabatan Pengurusan Krisis (JPK) yang ditugaskan untuk melaksanakan respon pantas terhadap kes-kes kecemasan berkaitan MBSP seperti pokok tumbang dan banjir telah mengembangkan stor operasi ke Seberang Perai Selatan (SPS) di Taman Nuri. Untuk makluman, sebelum ini JPK hanya mempunyai dua (2) stor sahaja yang menjadi bilik gerakan yang beroperasi 24 jam iaitu di Seberang Perai Utara dan Seberang Perai Tengah. Dengan penambahbaikan yang dibuat ke atas Stor Pembersihan Taman Nuri di SPS, satu pasukan akan diletakkan di situ dan setiap daerah akan ada *team* sendiri yang bersiapsiaga 24 jam.

Pada 1 Mac 2022, melalui kerjasama strategik program SARE bersama pihak Tenaga Nasional Berhad dan GSPARX, MBSP telah membuat pemasangan solar PV di Kompleks Sukan Bertam, Seberang Perai Utara. MBSP tidak mengeluarkan sebarang kos awalan (*Zero Capex*) untuk pemasangan ini. Melalui konsep ini, MBSP dapat menikmati kadar bayaran elektrik yang lebih rendah yang mana kadar solar yang ditawarkan adalah rendah dan tetap sepanjang tempoh kontrak yang dipersetujui bersama.

MBSP juga tidak terkecuali untuk mengadakan kerjasama strategik bersama agensi kerajaan dan swasta dalam menaiktaraf landskap seperti di persimpangan bulatan Bandar Cassia di sebahagian Lot 274, Bandar Cassia Mukim 13, SPS. Permohonan juga telah diterima daripada agensi swasta untuk menaja Program 7P's (*People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher, Planet, Partnership*) iaitu di kawasan lapang berhadapan Hospital Bagan Specialist Center melalui Jalan Bagan 1. Program CSR ini adalah satu program kerjasama strategik antara MBSP dan syarikat swasta bagi memperbanyakkan lagi kawasan-kawasan angkat untuk dijadikan kawasan yang indah dengan lanskap yang menarik.

Majlis juga bertekad untuk menjadikan Seberang Perai Bandaraya Rendah Karbon. Dalam menangani isu krisis iklim dan pemanasan global, MBSP akan memperbanyakkan lagi program penanaman pokok. Semenjak 1

Januari sehingga 31 Mac 2022, MBSP telah berjaya menanam sebanyak 1,594 batang pokok di seluruh Seberang Perai. Dengan usaha seperti ini, saya berharap agar kita semua dapat memperbanyakkan lingkungan hijau di setiap pelosok kawasan di Seberang Perai. MBSP dalam perancangan untuk mengadakan program *planting hours* yang dicadangkan semasa Sambutan Hari Bandaraya 2022 nanti dalam bulan September nanti.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

SP05: Penerapan Teknologi Baru

MBSP tidak mempunyai banyak pilihan dan apa yang perlu dilakukan sekarang adalah dengan membangunkan teknologi seiring dengan perkembangan digital terkini. Dengan adanya teknologi, perkhidmatan Majlis dapat ditambahbaik. 95% petak *parking* telah siap dipasang dengan *Sensor Penang Smart Parking* berjumlah 22,776 unit. Dengan adanya sensor ini, pemantauan di lapangan dapat dijalankan secara efektif dan membantu meningkatkan hasil MBSP dari segi bayaran parkir dan bayaran kompaun. Sistem berteraskan *cashless* ini membantu memudahkan carian parkir di seluruh Seberang Perai.

Sistem Chatbot telah dikemaskini dengan fungsi keluaran Mac 2022 seperti *workflows Improvement: New Shortcuts Feature, Website Chat*

Logged-In User ID, Vonage Whatsapp Api Upgrade dan banyak lagi akan dilancarkan pada bulan Jun 2022. Sistem ini akan membantu mempercepatkan dan mempermudahkan urusan pembayaran sekaligus dapat memberikan impak peningkatan hasil MBSP.

Paling terkini ialah pembangunan Fasa Ke 2 Sistem Perolehan Bersepadu bagi menyediakan menu permohonan tender dan sebutharga. Kontraktor / Pembekal / Syarikat tidak perlu lagi mengemukakan dokumen tender dan borang sebutharga secara manual dengan hadir ke MBSP sebaliknya dibuat atas talian sahaja. Dokumentasi sokongan seperti Sijil KKM / CIDB,SSM, penyata bank dan lain-lain hanya perlu dimuatnaik ke dalam sistem dan *hardcopy* tidak perlu disediakan. Selain itu, Kontraktor / Pembekal / Syarikat boleh menyemak sendiri status tender dan sebutharga dari semasa ke semasa.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

SP06: Ekonomi Bandar Yang Berdaya Saing

MBSP telah mendapat sebanyak tujuh (7) pensijilan berteraskan kualiti sehingga hari ini. Pada tahun ini kita telah memulakan usaha untuk melaksanakan Sistem Pengurusan Aset ISO 55001:2014 atau AMS. Sistem

ini akan berkuatkuasa pada bulan Mei dan pelaksanaan Audit Pematuhan dijangka pada bulan Oktober 2022.

Sekiranya kita berjaya memperolehi pensijilan ini daripada badan pensijilan SIRIM QAS International Sdn Bhd, maka MBSP akan menjadi Pihak Berkuasa Tempatan Pertama yang memperolehi sijil ini daripada pihak SIRIM.

Selain daripada itu kita akan menjadi Agensi Kerajaan pertama di Malaysia yang mempunyai lapan (8) pensijilan Sistem Pengurusan Berteraskan Kualiti, juga menjadi Agensi Kerajaan pertama yang mengintegrasikan tujuh (7) Sistem Pengurusan ISO dalam aspek pelaksanaan, dokumentasi dan pengauditan. Jumlah pensijilan bukanlah keutamaan semata-mata. Namun dengan pelaksanaan Sistem Pengurusan Berteraskan Kualiti, kita mempunyai garis panduan yang jelas dalam melaksanakan tugas dengan lebih sistematik, efisyen dan cekap.

Suka saya nyatakan di sini bahawa Seberang Perai kini melalui satu fasa pertumbuhan ekonomi yang semakin rancak. Sejumlah 109 permohonan telah diluluskan sejak Januari 2022 sehingga Mac 2022. Kutipan OSC juga telah mencatat sebanyak RM2.12 juta dalam tempoh

yang sama. Untuk makluman, 129 permohonan pemajuan masih di peringkat pemprosesan dan dijangka permohonan OSC akan terus meningkat sehingga 1,000 permohonan bagi tahun 2022. Jumlah *Gross Development Value (GDV)* juga sebanyak RM1.45 bilion.

MBSP mengamalkan prinsip “*No One Should Be Left Behind*” iaitu tiada golongan yang akan dipinggirkan. Justeru, mengambil kira keperluan dan kehendak semua, MBSP dalam peringkat mendapatkan input daripada komuniti melalui Ahli-Ahli Majlis untuk Sesi TownHall 2023. Segala bentuk cadangan atau komen akan diambil kira dalam penyediaan bajet 2023. Saya menyeru agar semua melalui wakil komuniti masing-masing untuk menyuarakan pendapat dan buah fikiran bagi memangkin kecemerlangan Seberang Perai.

Untuk makluman, bagi memperkasakan penyampaian perkhidmatan Seberang Perai menjadi sebuah bandar yang berdaya saing, MBSP telah menggalakkan pembayaran transaksi dengan Majlis dibuat secara online bagi merealisasikan harapan kita ke arah *Cashless Society* dan *Smart City*. Sehingga 15 Mac 2022, jumlah transaksi secara online adalah 76.1% daripada keseluruhan bayaran.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

SP 07: Memperkuuhkan Budaya dan Warisan

Kebudayaan dan warisan masa kini semakin lama dilupakan dan adakalanya tidak diketahui oleh generasi muda kita. Sebagai Pihak Berkuasa Tempatan, saya merasakan bahawa budaya dan warisan sesebuah bandar itu perlu diketengahkan dan ditonjolkan agar generasi muda kita tidak tenggelam dalam kerancakkan pembangunan teknologi sahaja. Dalam melestarikan budaya dan warisan, Seberang Perai dalam peringkat untuk melancarkan dokumentari kesenian iaitu “Manifestasi Lagenda Seni Budaya Siri 1” yang melibatkan anak-anak seni atau lagenda seni yang berasal daripada Seberang Perai. Ianya bakal dilancarkan pada bulan Mei 2022 ini. Ini merupakan salah satu usaha kami sebagai Pihak Berkuasa Tempatan menghargai usaha anak-anak seniman yang sentiasa mengetengahkan bakat-bakat mereka yang luar biasa. Antaranya ialah seperti Omara, Imuda, L. Ramlie, Pak Kojek dan Komposer Din.

Selain itu, bagi mengalakkan pelancongan di Seberang Perai, MBSP juga telah menyiapkan pembangunan Robina Eco Park Fasa 2 dan perasmian akan dijangka pada 28 Mei 2022 ini. Seberang Perai juga telah mempunyai sebuah taman yang istimewa iaitu Taman Sarang Burung Merak atau *Eco Peacock Park* di Taman Kimsar yang telah siap sepenuhnya dan sekarang telah menjadi salah satu tarikan pelancongan.

Bersebelahan dengan Sungai Perai, ianya menjadi satu kawasan yang amat menarik.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

SP 08: Bandar Yang Berdaya Tahan dan Berdaya Huni

Sejak kebelakangan ini, negara sering dikejutkan dengan bencana banjir kilat yang telah merosakkan kebanyakkan kemudahan awam, tempat tinggal dan ada juga yang telah meragut nyawa manusia. MBSP amat prihatin akan isu ini dan MBSP seramai 50 orang kakitangan telah terlibat dengan Misi Bantuan Banjir MBSP Siri 2 di Majlis Perbandaran Kajang dan Majlis Perbandaran Bentong. Pada Siri ke 3, seramai 30 orang terlibat dengan Misi Bantuan tersebut di Majlis Perbandaran Bentong. Secara tidak langsung, aktiviti pembersihan yang dilaksanakan ini telah berjaya mengembalikan kehidupan masyarakat setempat kembali seperti sediakala disamping memupuk kerjasama strategik antara agensi dan semua pasukan respon PBT serta NGO.

Di samping itu, MBSP di bawah SP08 juga telah berjaya mengekalkan kecemerlangan dalam kitar semula. Tahun lepas kadar kitar semula kita ialah 56.85% dan setakat Feb 2022, telah menjadi 33.26%. Ini menampakkan sasaran 70% insyallah dapat dicapai. Banyak program-

program telah dianjurkan berkaitan kitar semula bukan sahaja bersama komuniti bahkan kerjasama strategik dengan NGO, agensi swasta dan institusi pendidikan.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

SP09: Keterlibatan Komuniti

Kerajaan Negeri Pulau Pinang sering meletakkan keutamaan rakyat di hadapan. MBSP sebagai PBT di bawah Kerajaan Negeri Pulau Pinang meletakkan keperluan dan kehendak masyarakat di hadapan iaitu sebarang polisi dibuat perlulah bersifat *People Centric*. Keterlibatan komuniti di bawah Penang2030 Tema C iaitu “*Empower People to Strengthen Civic Participation*” adalah mekanisme yang digunakan oleh MBSP untuk mempelbagaikan program dan projek untuk kebaikan bersama. Antaranya pada 26 Mac, MBSP telah mengadakan Program Mesra Pelanggan. Program ini memberi peluang kepada *stakeholders* untuk bersemuka dan berbincang dengan pegawai majlis berkaitan pindaan dan tambahan yang bermasalah. Anda Bermasalah, Kami Bantu adalah moto utama program ini. Secara tidak langsung program ini telah berjaya meluluskan 42 kelulusan pindaan dan tambahan pada hari yang sama dengan kutipan hasil sebanyak RM42,413.00.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

SP10: Pembangunan Bandar Yang Inklusif dan Saksama

MBSP sentiasa memperbanyakkan program-program yang bersifat inklusif dan saksama. Bagi menambahbaik mutu dan prestasi penyampaian perkhidmatan jabatan dan MBSP secara keseluruhannya, MBSP telah membuka peluang bagi pengisian jawatan di Majlis. Sehingga Mac 2022, sebanyak 59 kekosongan telah berjaya diisi.

Bagi penduduk rumah kampung yang selama ini tidak mempunyai nombor rumah sendiri. MBSP telah membuka peluang yang selama ini tiada dengan memberikan Nombor Patil Taksiran sahaja kepada rumah kampung bagi memudahkan urusan pemilik rumah kampung tersebut untuk urusan surat-menjurat dan keselesaan dalam urusan melibatkan alamat rumah. Sebanyak 256 Nombor Patil Taksiran telah dikeluarkan setakat ini.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Pada hari ini, satu program perasmian Lapangan Rentas Halangan akan disempurnakan hari ini khusus untuk anggota penguatkuasa MBSP. Lapangan ini merupakan salah satu latihan untuk menguji mental dan fizikal

serta semangat kerjasama dalam kumpulan. Ia juga bertujuan untuk menilai tahap kecergasan penguatkuasa dalam merentas halangan. Lapangan untuk *Capacity Building* ini sejajar dengan tema C4: *Accelerate Programme Delivery and Institutional Reform* di mana bagi menambahbaik perkhidmatan, kita perlu membangunkan *self-motivation* dan *confidence* di kalangan penguatkuasa kita. Saya berharap dengan adanya lapangan ini, latihan-latihan sesuai dapat diberikan bagi penguatkuasa kita sekaligus dapat mencerminkan MBSP satu organisasi yang unggul.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Dengan penjelasan yang agak panjang, pelaporan ini secara ringkasnya adalah 100 hari usaha-usaha MBSP menjadikan Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan. Pelbagai program dan inisiatif dibuat yang telah atau akan dilaksanakan ini adalah untuk kesejahteraan rakyat. Setiap sen yang dikeluarkan oleh tuan-tuan dan puan-puan akan digunakan sebaiknya dan dipulangkan dalam bentuk seperti yang saya nyatakan di atas. Suka saya nyatakan di sini bahawa prestasi kewangan kita sehingga 31 Mac 2022, mencatatkan lebihan sebanyak RM72.11 juta. Insyaallah, selepas ini lebih banyak infrastruktur, projek dan program untuk masyarakat akan dapat dilaksanakan.

MBSP sentiasa peka akan setiap pandangan dan luahan masyarakat untuk kami menambahbaik sistem penyampaian dan perkhidmatan Majlis. Saya tidak dapat menyebut kesemua usaha-usaha kita satu persatu secara mendalam. Walau bagaimanapun, setiap suku tahun, MBSP akan mengeluarkan *report cards* iaitu pencapaian MBSP dan tuan-tuan dan puan-puan boleh melihatnya di dalam *website* MBSP. Sebenarnya, pencapaian hari ini hasil kerjasama semua.

Terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan seluruh keluarga besar Seberang Perai kerana sentiasa menyokong, membantu dan bersatu hati. MBSP bak kata pepatah “*Membujur Lalu, Melintang Patah*” akan sentiasa ke hadapan, menerjah arus dan merancang apa yang terbaik untuk Seberang Perai. Kami bukan hanya berpeluk tubuh sahaja bahkan kami sentiasa mendahulukan tuan-tuan dan puan-puan dalam perancangan majlis. “*If you fail to plan, you are planning to fail*”. Perancangan ini adalah amat penting bagi halatuju majlis. Wang yang dibelanjakan akan dimanfaatkan untuk kebaikan semua. Justeru, saya mohon agar sokongan dan dokongan daripada semua pihak amatlah diperlukan bagi menjadikan “Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan”. Tahniah dan Syabas buat semua.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan 100 Hari Datuk Bandar dan Lapangan Rentas Halangan MBSP.

Sekian, *Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum*
Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima Kasih.